



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# *Garis Panduan*

## ANUGERAH AKADEMIA JPPKK 2022

**GARIS PANDUAN**

**ANUGERAH AKADEMIA**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ**

**KOMUNITI (AA JPPKK)**

**TAHUN 2022**

**BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
**ARAS 7, GALERIA PJH, JALAN P4W**  
**PERSIARAN PERDANA PRESINT 4**  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**  
**TEL: 0388882250 || FAKS: 0388887211**

© Hakcipta 2022 Diterbitkan oleh  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti  
Bahagian Governan dan Kecemerlangan  
Kementerian Pengajian Tinggi

Semua Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapatkan izin daripada pengarang.

**PENERBIT**  
**BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**  
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**  
**ARAS 7, GALERIA PjH, JALAN P4W, PERSIARAN PERDANA PRESINT 4**  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**  
**TEL: 0388882250 || FAKS: 0388887211**

# ISI KANDUNGAN

---

SENARAI LAMPIRAN .....	4
TUJUAN .....	5
LATAR BELAKANG.....	5
OBJEKTIF .....	6
SYARAT-SYARAT UMUM.....	7
KATEGORI ANUGERAH .....	8
ANUGERAH IKON SUKARELAWAN.....	9
ANUGERAH IKON KOKURIKULUM.....	10
ANUGERAH MENTOR KEUSAHAWANAN.....	12
ANUGERAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP) .....	14
ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI .....	16
ANUGERAH PENERBITAN.....	17
ANUGERAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) .....	18
ANUGERAH IKON KOLABORASI.....	19
ANUGERAH PENSYARAH HARAPAN.....	20
ANUGERAH PENSYARAH CEMERLANG.....	22
ANUGERAH TOKOH AKADEMIA TVET.....	24
PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN.....	26
PROSES PENCALONAN ANUGERAH AKADEMIA JPPKK.....	27
HADIAH DAN IMBUHAN.....	28
HAL-HAL LAIN .....	28
PENUTUP.....	28
PERTANYAAN.....	28
GLOSARI .....	29
PENGHARGAAN.....	30
LAMPIRAN RUBRIK PEMARKAHAN.....	32

---

## **SENARAI LAMPIRAN**

---

Lampiran 1a	Rubrik Pemarkahan Anugerah Ikon Sukarelawan	33
Lampiran 1b	Rubrik Pemarkahan Anugerah Ikon Kokurikulum	34
Lampiran 1c	Rubrik Pemarkahan Anugerah Mentor Keusahawanan	35
Lampiran 1d-a	Rubrik Pemarkahan Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	36
Lampiran 1d-b	Rubrik Pemarkahan Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	38
Lampiran 1e	Rubrik Pemarkahan Anugerah Penyelidikan dan Inovasi	40
Lampiran 1f	Rubrik Pemarkahan Anugerah Penerbitan	41
Lampiran 1g	Rubrik Pemarkahan Anugerah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)	42
Lampiran 1h	Rubrik Pemarkahan Anugerah Ikon Kolaborasi	43
Lampiran 1i	Rubrik Pemarkahan Anugerah Pensyarah Harapan	44
Lampiran 1j	Rubrik Pemarkahan Anugerah Pensyarah Cemerlang	46
Lampiran 1k	Rubrik Pemarkahan Anugerah Tokoh Akademia TVET	48

## **TUJUAN**

---

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas berkaitan panduan dan perincian setiap kategori bagi Anugerah Akademia Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (AA JPPKK). Garis panduan ini akan menjadi sumber rujukan utama kepada semua Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) di semua peringkat sama ada di Jabatan mahupun di Politeknik dan Kolej Komuniti.

## **LATAR BELAKANG**

---

Pada tahun 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri yang bertarikh 18 September 2019 melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah bersetuju agar 5 Oktober setiap tahun diiktiraf sebagai Hari Akademia dan bulan Oktober setiap tahun sebagai Bulan Akademia. Selain itu, Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia Bil.23/2019 bertarikh 2 Oktober 2019 telah menggalakkan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut mengadakan Sambutan Hari Akademia bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada golongan pendidik dalam melahirkan modal insan negara.

Pelbagai usaha telah giat dilaksanakan oleh semua pihak termasuk politeknik dan kolej komuniti bagi memeriahkan Sambutan Hari Akademia yang disambut sepanjang bulan Oktober ini. Antaranya adalah menerusi sambutan Hari Akademia peringkat institusi, penganjuran pertandingan serta penyampaian anugerah kepada para pensyarah yang cemerlang.

Pada tahun ini, buat pertama kalinya, JPPKK akan melaksanakan Sambutan Hari Akademia peringkat JPPKK dan kemuncak sambutan adalah dengan mengadakan AA JPPKK iaitu satu platform yang bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada PPPT tidak kira yang berkhidmat di peringkat jabatan, politeknik mahupun kolej komuniti. AA JPPKK yang bakal diperkenalkan ini akan memberi penghargaan kepada PPPT yang telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti Kesukarelawanan, Kokurikulum, Keusahawanan,

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), Penyelidikan dan Inovasi, Penerbitan, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Kolaborasi, Pensyarah Harapan dan Cemerlang serta Tokoh Akademia TVET. Pencapaian yang telah diperoleh ini bukan sahaja mampu mengharumkan nama institusi sekaligus JPPKK.

Diharap dengan adanya pelbagai aktiviti bagi menyemarakkan Sambutan Hari Akademia ini akan dapat memberikan motivasi kepada semua akademia di politeknik dan kolej komuniti untuk terus berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh agar prestasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang. Di samping itu, sambutan ini pastinya dapat mengangkat martabat profesi akademik negara ke tahap lebih tinggi.

## OBJEKTIF

---

Objektif utama yang ingin dicapai menerusi AA JPPKK adalah bagi:

- i. mengiktiraf pencapaian dan sumbangan PPPT;
- ii. mengangkat martabat kerjaya PPPT; dan
- iii. menjadi pemangkin kepada PPPT untuk berusaha bersungguh-sungguh dan bersaing secara sihat.



## SYARAT-SYARAT UMUM

---


Berikut merupakan syarat-syarat umum yang perlu dipatuhi oleh calon yang ingin memohon:

- i. PPPT Gred DH29 hingga DH54 yang telah disahkan dalam perkhidmatan awam;
- ii. PPPT telah genap lima (5) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada tahun prestasinya dinilai bagi pencalonan pertama;
- iii. PPPT mencapai tahap minimum 85% dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terkini;
- iv. PPPT menunjukkan kecemerlangan dalam prestasi kerja dan aktiviti atau sumbangan di luar tugas rasmi;
- v. PPPT bebas dari sebarang tindakan dan perbicaraan tatatertib sepanjang perkhidmatan; dan
- vi. Setiap PPPT layak menerima anugerah tidak lebih dua (2) kali sepanjang perkhidmatan dan hanya layak dipertimbangkan selepas tiga (3) tahun dari anugerah pertama.



# KATEGORI ANUGERAH

---



Terdapat 11 kategori AA JPPKK iaitu:

1. Anugerah Ikon Sukarelawan
2. Anugerah Ikon Kokurikulum
3. Anugerah Mentor Keusahawanan
4. Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)
5. Anugerah Penyelidikan dan Inovasi
6. Anugerah Penerbitan
7. Anugerah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)
8. Anugerah Ikon Kolaborasi
9. Anugerah Pensyarah Harapan
10. Anugerah Pensyarah Cemerlang
11. Anugerah Tokoh Akademia TVET

# ANUGERAH IKON SUKARELAWAN

## TUJUAN

Anugerah Ikon Sukarelawan dianugerahkan kepada PPPT yang banyak memberikan sumbangan dan khidmat bakti untuk memimpin pelajar dalam sukarelawan dan aktif membantu kesejahteraan komuniti melalui perkongsian idea, kemahiran, kepakaran serta tenaga terutamanya dalam bidang TVET. Sumbangan yang diberikan perlulah berimpak tinggi seperti projek komuniti, sosial dan kebajikan masyarakat.

## SYARAT KHUSUS

- a. PPPT telah melibatkan diri dalam bidang sukarelawan sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**; dan
- b. PPPT memberikan sumbangan yang membawa impak yang signifikan melalui aktiviti sukarelawan yang telah dijalankan.

## KRITERIA PENILAIAN

- a. **Menunjukkan sifat kepimpinan dan kecemerlangan di peringkat institusi/jabatan/kebangsaan/antarabangsa secara berterusan dalam bidang kesukarelawanan:**
  - i. penglibatan dalam bidang kesukarelawanan (5%);
  - ii. pencapaian penyertaan dalam pelaksanaan program kesukarelawanan yang melibatkan skop lapangan kerja kesukarelawan yang melibatkan kumpulan sasaran seperti belia, warga emas, orang kelainan upaya, kanak-kanak dan sebagainya (20%); dan
  - iii. penglibatan dalam pengurusan sukarelawan (25%).
- b. **Memberikan sumbangan yang membawa impak signifikan melalui aktiviti kesukarelawanan:**
  - i. impak kepada pihak berkepentingan (15%);
  - ii. pengiktirafan yang diterima dalam sumbangan bidang kesukarelawanan (20%); dan
  - iii. penglibatan kolaborasi bersama institusi/persatuan/NGO/agensi/kementerian dan lain-lain (15%).

## LAMPIRAN

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1a

# ANUGERAH IKON KOKURIKULUM

## TUJUAN

Anugerah Ikon Kokurikulum dianugerahkan kepada PPPT yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam aktiviti kokurikulum mencakupi sukan, kelab/persatuan, unit beruniform dan kebudayaan di peringkat tertinggi. Sumbangan yang diberikan adalah menjangkau tugas hakiki seperti pembangunan kokurikulum, kecemerlangan bidang kokurikulum dan penglibatan dengan pihak berkepentingan.

## SYARAT KHUSUS

- a. PPPT telah melibatkan diri dalam bidang kokurikulum sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**;
- b. PPPT menunjukkan tahap kepimpinan dan kecemerlangan terhadap institusi secara berterusan dalam bidang kokurikulum; dan
- c. PPPT memberikan sumbangan yang membawa impak yang signifikan melalui aktiviti kokurikulum yang telah dijalankan.

## KRITERIA PENILAIAN

### a. Pengurusan organisasi (20%)

Penglibatan calon dalam bidang pengurusan organisasi dan pentadbiran kokurikulum (sukan, kelab/persatuan, unit beruniform dan kebudayaan) seperti Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Ahli Jawatankuasa, Pengurus Pasukan, Timbalan Pengurus Pasukan Jurulatih, Pegawai Fisioterapi, Pegawai Pengiring dan sebagainya di pelbagai peringkat kejohanan dan persatuan.

### b. Kecemerlangan kokurikulum (20%)

Kecemerlangan Kokurikulum merujuk kepada pencapaian dan pengiktirafan yang diperoleh calon dalam bidang kokurikulum (sukan, kelab/persatuan, unit beruniform dan kebudayaan) di pelbagai peringkat dengan mempunyai Sijil Profesional, Watikah Pelantikan, atau Anugerah/Pingat.

### c. Kepimpinan kokurikulum (20%)

Kepemimpinan Kokurikulum merujuk kepada penglibatan dan keterlibatan calon dalam pembangunan kokurikulum (sukan, kelab/persatuan, unit beruniform dan kebudayaan) sebagai Penasihat, Ketua Penggubal, Penggubal, Penyemak kurikulum kokurikulum di pelbagai peringkat.

d. **Penglibatan/penyertaan (20%)**

Penglibatan dan penyertaan calon dalam kokurikulum (sukan, kelab/persatuan, unit beruniform dan kebudayaan) seperti Ketua Delegasi, Ketua Pasukan, Jurulatih, Atlet atau Ahli Kontingen dalam penyertaan di pelbagai peringkat.

e. **Penglibatan kolaborasi dalam bidang kokurikulum (20%)**

Penglibatan kolaborasi calon dalam kokurikulum bersama institusi/persatuan/NGO/agensi/kementerian dan lain-lain.

## LAMPIRAN

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1b

# ANUGERAH MENTOR KEUSAHAWANAN

## TUJUAN

Anugerah Mentor Keusahawanan bertujuan mengiktiraf PPPT yang menunjukkan kecemerlangan melaksanakan aspirasi keusahawanan kepada pelajar dan institusi.

## SYARAT KHUSUS

- a. PPPT terlibat secara aktif dalam bidang keusahawanan sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**; dan
- b. PPPT telah menunjukkan kepimpinan dan memberi sumbangan berimpak tinggi kepada institusi secara berterusan dalam aktiviti/program keusahawanan.

## KRITERIA PENILAIAN

- a. **Impak mentor terhadap pelajar (30%)**
  - i. peranan mentor dalam memberi aspirasi kepada kejayaan menti;
  - ii. perkongsian amalan baik seperti pengalaman mentor termasuk cabaran utama bagi membantu perkembangan menti; dan
  - iii. kaedah penilaian untuk melihat impak mentor berdasarkan perkembangan menti.
- b. **Impak mentor terhadap institusi (30%)**
  - i. mentor membantu dan menyokong aspirasi keusahawanan institusi;
  - ii. mentor mempengaruhi polisi dan pelaksanaan keusahawanan institusi;
  - iii. mentor merangka inisiatif dan peluang kepada institusi bagi memaksimumkan potensi keusahawanan warga di institusi; dan
  - iv. mentor mempengaruhi rakan kerja, pegawai dan warga institusi dalam perkembangan keusahawanan baik dari aspek individu maupun organisasi.
- c. **Personaliti dan teknik yang digunakan oleh mentor (20%)**
  - i. personaliti mentor memberi aspirasi kepada menti;
  - ii. mentor menunjukkan kebolehan sifat keusahawanan dalam proses *mentoring*; dan
  - iii. keupayaan mentor dalam meningkatkan keupayaan diri (*selfskill/personality building*).

d. **Skala dan skop aktiviti (20%)**

- i. jumlah menti;
- ii. pencapaian menti;
- iii. jaringan kolaborasi;
- iv. peringkat penglibatan;
- v. jenis sokongan yang diberikan kepada menti; dan
- vi. peranan mentor dalam menyediakan peluang di luar pengalaman biasa menti.

**LAMPIRAN**

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1c

# **ANUGERAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)**

---

## **TUJUAN**

Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dianugerahkan kepada PPPT yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang PdP dengan penghasilan kaedah yang berimpak tinggi.

## **SYARAT KHUSUS**

Berkhidmat dan mengajar sekurang-kurangnya **10 tahun** di institusi.

## **KRITERIA PENILAIAN**

Penilaian akan dijalankan dalam dua (2) peringkat. Peringkat Pertama melibatkan penilaian portfolio/dokumen. Permohonan yang melepas tapisan akan dimajukan ke Peringkat Kedua iaitu simulasi pengajaran.

### **a. Peringkat Pertama: penilaian portfolio/dokumen**

Portfolio/dokumen WAJIB mengandungi perkara-perkara berikut:

**Kriteria 1** Perancangan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (20%)

**Kriteria 2** Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) (25%) samada secara PDPDT/bersemuka/Hibrid

**Kriteria 3** Kreativiti dan Inovasi serta impaknya terhadap (25%) Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)

**Kriteria 4** Penilaian dan testimonial pengajaran/penyeliaan (10%)

**Kriteria 5** Penambahbaikan pengajaran/penyeliaan dan (10%) penilaian serta pembangunan profesional

**Kriteria 6** Kesarjanaan dalam pengajaran/penyeliaan dan (10%) penilaian

**b. Peringkat Kedua: simulasi pengajaran (*microteaching*)**

Simulasi pengajaran akan dijalankan bagi pemohon yang telah disenarai pendek di Peringkat Pertama. Masa yang diperuntukkan bagi simulasi pengajaran adalah 30 minit. Perkara yang dinilai dalam simulasi pengajaran seperti berikut:

**Domain 1: Pelaksanaan PdP**

- i. Set induksi (10%)
- ii. Komunikasi secara efektif (10%)
- iii. PdP secara interaktif (10%)
- iv. Penggunaan inovasi dalam PdP (20%)
- v. Rumusan sesi PdP (10%)

**Domain 2: Kompetensi dan profesionalisme pensyarah**

- i. Penguasaan ilmu/kemahiran yang berkaitan kursus (10%)
- ii. Nilai-nilai profesionalisme (membina hubungan positif dengan pelajar, memberikan peluang kepada pelajar untuk bertanya dan menjawab soalan), menggunakan gaya badan sesuai semasa mengajar (postur, intonasi suara, *facial expressions* dan *gestures*) (10%)

**Domain 3: Pengurusan dan kawalan PdP**

- i. Kawalan audio dan video (10%)
- ii. Pengurusan masa (10%)

**KEPUTUSAN PENILAIAN**

Hanya pemohon yang melepassi Peringkat Pertama dan mendapat markah tertinggi di Peringkat Kedua akan diperakukan untuk dipertimbangkan sebagai finalis Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP).

**LAMPIRAN**

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1d-a, 1d-b

# ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI

## TUJUAN

Anugerah Penyelidikan dan Inovasi dianugerahkan kepada PPPT yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan inovasi dengan hasil dapatan yang berimpak tinggi. PPPT juga menunjukkan kecemerlangan dalam pembangunan prototaip, produk/perkhidmatan yang diaplikasi dan menerima pengiktirafan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

## SYARAT KHUSUS

- a. Terbuka kepada warga PPPT yang aktif dalam penyelidikan dan inovasi; dan
- b. Penilaian penyelidikan dan inovasi dalam tempoh **tiga (3) tahun** termasuk tahun yang dinilai.

## KRITERIA PENILAIAN

- a. Penyelidikan dan inovasi yang menyokong TVET serta melibatkan dana penyelidikan dan inovasi daripada kementerian dan agensi luar (10%);
- b. Penglibatan calon dalam pengurusan penyelidikan dana dan inovasi daripada kementerian dan agensi luar (10%);
- c. Memperolehi dana penyelidikan dan inovasi dalam tempoh tiga (3) tahun termasuk tahun yang dinilai (10%);
- d. Keaslian penyelidikan dan inovasi yang diiktiraf melalui jumlah sitasi dan pencapaian harta intelek (15%);
- e. Mempunyai penyelidikan dan inovasi yang dapat disempurnakan pada tempoh yang ditetapkan (10%);
- f. Menghasilkan penulisan dan penerbitan mengikut kriteria yang ditetapkan (10%);
- g. Mempunyai pencapaian pertandingan inovasi tertinggi serta mendapat anugerah (15%);
- h. Menghasilkan prototaip, produk dan perkhidmatan yang berpotensi dikomersialkan (10%); dan
- i. Penglibatan sumbangan dalam penyelidikan dan inovasi (10%).

## LAMPIRAN

Rubrik Pemarkahan- Lampiran 1e

# ANUGERAH PENERBITAN

## TUJUAN

Anugerah Penerbitan dianugerahkan kepada PPPT yang menunjukkan kecemerlangan berkarya dalam penulisan ilmiah dan kreatif yang berimpak tinggi. Anugerah ini mengambil kira bilangan penulisan dan juga pembentangan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa serta memberi sumbangan besar kepada bidang ilmu dan pemegang taruh.

## SYARAT KHUSUS

- a. Terbuka kepada warga PPPT yang menerbit minimum tiga (3) penerbitan penulisan ilmiah dan kreatif secara bercetak atau elektronik dalam bentuk buku, monograf dan makalah bagi tempoh **tiga (3) tahun** termasuk tahun yang dinilai;
- b. Penerbitan mesti asli dan berilmiah. Senarai penulisan dan pembentangan yang telah dilakukan adalah di peringkat kebangsaan atau antarabangsa; dan
- c. Calon perlu buktikan naskah jurnal, *digest*, prosiding, bab dalam buku, e-book dan artikel ilmiah yang mempunyai ISSN/ISBN/eISBN.

## KRITERIA PENILAIAN

- a. **Penerbitan yang berindeks atau berimpak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti (60%);**
  - i. jurnal;
  - ii. buku;
  - iii. prosiding;
  - iv. *digest*;
  - v. bab dalam buku;
  - vi. pembentangan.
- b. **Bilangan penerbitan sitasi (40%);**
  - i. H-Index Individu;
  - ii. 10-Index;
  - iii. Sitasi;
  - iv. Scopus.

## LAMPIRAN

Rubrik Pemarkahan- Lampiran 1f

# ANUGERAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

## TUJUAN

Anugerah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dianugerahkan kepada PPPT yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pelaksanaan/pengurusan/sumbangan kepada PSH.

## SYARAT KHUSUS

- a. Terlibat secara aktif dalam PSH sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** terkini; dan
- b. Menyumbang kepada pencapaian penyertaan PSH di peringkat institusi.

## KRITERIA PENILAIAN

- a. Penglibatan dalam PdP/pengurusan PSH (10%);
- b. Jalinan kerjasama bersama institusi/jabatan/agensi/NGO/persatuan dan lain-lain (15%);
- c. Pencapaian penglibatan penyertaan yang tinggi dalam kalangan kumpulan fokus PSH iaitu industri, belia, warga emas, ibu tunggal, B40, Orang Asli, dan orang kurang upaya (OKU) dalam pelaksanaan program PSH (25%);
- d. Penerapan elemen Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) atau teknologi digital dalam PSH (10%);
- e. Pelaksanaan PSH menggunakan kaedah PSH Bermodul/Sijil Profesional (10%);
- f. Sumbangan yang memberi impak kepada PSH di peringkat daerah/negeri/kebangsaan/antarabangsa (15%); dan
- g. Inovasi/Penyelidikan/Penerbitan dalam PSH di peringkat institusi/jabatan/kementerian (15%).

## LAMPIRAN

Rubrik Pemarkahan – Lampiran 1g

# **ANUGERAH IKON KOLABORASI**

## **TUJUAN**

Anugerah Ikon Kolaborasi dianugerahkan kepada PPPT yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam memastikan program kolaborasi aktif berimpak tinggi yang menjurus kepada perluasan kerjasama bersinergi dengan pihak industri atau agensi melalui pelbagai program yang berupaya memperluas fungsi institusi.

## **SYARAT KHUSUS**

- a. Terbuka kepada warga PPPT terlibat secara aktif dalam kolaborasi sekurang-kurangnya tiga (3) tahun terkini; dan
- b. Menyumbang kepada pencapaian kolaborasi berimpak tinggi yang menjurus kepada perluasan kerjasama bersinergi dengan pihak industri atau agensi.

## **KRITERIA PENILAIAN**

- a. Penglibatan di dalam program bersama industri yang menghasilkan dokumen kerjasama Memorandum Perjanjian (MoA)/Memorandum Persefahaman (MoU)/ Sijil Kolaborasi Strategik (COC)/*Agreed Minute of Meetings* (AMM) (20%);
- b. Penglibatan industri dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) merangkumi pembangunan kurikulum atau program perkongsian ilmu daripada syarikat (15%);
- c. Penghasilan produk atau servis yang melibatkan *Research and Development* (R&D) bersama industri (20%);
- d. Penajaan latihan yang menghasilkan pensijilan yang diiktiraf kepada pelajar atau pensyarah (15%);
- e. Sumbangan peralatan, biasiswa, hadiah kecemerlangan pelajar, bantuan kewangan *one-off* pelajar dan perkongsian peralatan serta tempat program (15%); dan
- f. Penglibatan dan sumbangan kepada industri meliputi perkongsian ilmu/kemahiran/kepakaran atau CSR kepada industri (15%).

## **LAMPIRAN**

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1h

# ANUGERAH PENSYARAH HARAPAN

## TUJUAN

Anugerah Pensyarah Harapan dianugerahkan kepada PPPT yang berjaya mempamerkan budaya kecemerlangan yang seimbang dalam penyampaian PdP, pembangunan diri, sumbangan kepada negara, serta berpotensi menjadi ahli akademik TVET yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada masa hadapan.

## SYARAT KHUSUS

- a. Terbuka kepada warga PPPT Kategori I dan II sepenuh masa yang telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat **lima (5) hingga sembilan (9) tahun** dan mempunyai pengalaman mengajar di institusi;
- b. Memperolehi markah purata sekurang-kurangnya 90% dalam LNPT bagi tiga (3) tahun terkini; dan
- c. Mencapai markah sekurang-kurangnya 90% dan ke atas bagi penilaian pemantauan PdP politeknik atau kolej komuniti dan penilaian pelajar untuk dua (2) penilaian terkini.

## KRITERIA PENILAIAN

### a. Penilaian profesional (25%)

- i. Penilaian LNPT;
- ii. Penilaian Pemantauan PdP pensyarah; dan
- iii. Penilaian pelajar.

### b. Penilaian folio (75%)

#### i. Teras utama (45%)

- Pembelajaran dan Pengajaran;
- Penyelidikan dan Pembangunan Inovasi; dan
- Penerbitan dan Penulisan.

#### ii. Teras sumbangan (15%)

- Sumbangan kepada institusi/jabatan/kementerian (berlainan daripada LNPT dan skop teras utama); dan
- Sumbangan kepada komuniti/agensi luar/negara.

**iii. Teras pembangunan diri (15%)**

- Kelayakan badan profesional;
- Kelayakan akademik tambahan (Sarjana/Doktor Falsafah);
- Sangkutan Industri Pensyarah (SIP);
- Sijil Profesional yang diiktiraf;
- Anugerah Akademik/Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC);  
dan
- Sanjungan/Pingat.

**LAMPIRAN**

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1i

# ANUGERAH PENSYARAH CEMERLANG

## TUJUAN

Anugerah Pensyarah Cemerlang dianugerahkan kepada PPPT yang berjaya mempamerkan budaya kecemerlangan yang seimbang dalam penyampaian PdP, pembangunan diri, sumbangan kepada negara, serta berpotensi menjadi ahli akademik TVET yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## SYARAT KHUSUS

- a. Terbuka kepada warga PPPT Kategori I dan II sepenuh masa yang telah disahkan dalam jawatan dan telah berkhidmat **melebihi 10 tahun** dan mempunyai pengalaman mengajar di institusi;
- b. Memperolehi markah purata sekurang-kurangnya 90% dalam LNPT bagi tiga (3) tahun terkini; dan
- c. Mencapai markah sekurang-kurangnya 90% dan ke atas bagi penilaian pemantauan PdP politeknik atau kolej komuniti dan penilaian pelajar untuk dua (2) penilaian terkini.

## KRITERIA PENILAIAN

### a. Penilaian profesional (25%)

- i. Penilaian LNPT;
- ii. Penilaian Pemantauan PdP pensyarah; dan
- iii. Penilaian pelajar.

### b. Penilaian folio (75%)

#### i. Teras utama (45%)

- Pembelajaran dan Pengajaran;
- Penyelidikan dan Pembangunan Inovasi; dan
- Penerbitan dan Penulisan.

#### ii. Teras sumbangan (15%)

- Sumbangan kepada institusi/jabatan/kementerian (berlainan daripada LNPT dan skop teras utama); dan
- Sumbangan kepada komuniti/agensi luar/negara.

**iii. Teras pembangunan diri (15%)**

- Kelayakan badan profesional;
- Kelayakan akademik tambahan (Sarjana/Doktor Falsafah);
- Sangkutan Industri Pensyarah (SIP);
- Sijil Profesional yang diiktiraf;
- Anugerah Akademik/Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC);  
dan
- Sanjungan/Pingat.

**LAMPIRAN**

Rubrik Pemarkahan- Lampiran 1j

# **ANUGERAH TOKOH AKADEMIA TVET**

---

## **TUJUAN**

Anugerah Tokoh Akademia TVET merupakan anugerah berprestij tinggi diberikan kepada individu yang telah memberikan sumbangan yang besar ke arah pencapaian dan pembangunan TVET.

## **SYARAT KHUSUS**

- a. Dicalonkan oleh Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Tokoh Akademia TVET;
- b. Kategori ini hanya terbuka kepada warganegara Malaysia;
- c. Pernah berkhidmat dan menerajui secara holistik dalam perkhidmatan dan pengurusan di jabatan/politeknik/kolej komuniti;
- d. Mempamerkan wawasan dan halatuju dalam pembangunan TVET; dan
- e. Anugerah hanya boleh diterima sekali dalam seumur hidup.

## **KRITERIA PENILAIAN**

### **a. Sumbangan (50%)**

#### **i. Sumbangan semasa perkhidmatan (40%)**

Memberi impak secara langsung atau tidak langsung dalam inisiatif pembangunan dan perkembangan TVET dalam bidang berikut:

- pembangunan sumber manusia;
- pembelajaran dan pengajaran;
- penyelidikan dan inovasi;
- penulisan dan penerbitan;
- kolaborasi industri;
- sukan dan kokurikulum;
- keusahawanan;
- kegiatan kesukarelawanan/kemasyarakatan; dan
- penglibatan dalam persatuan/agensi/NGO.

#### **ii. Sumbangan selepas perkhidmatan (10%)**

Memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam perkembangan dan pembangunan pelbagai bidang dan peringkat.

**b. Kesarjanaan/kepakaran/pengalaman profesional (20%)**

- Pencapaian akademik;
- Keahlian dalam badan profesional;
- Perkongsian ilmu dan kepakaran.

**c. Kepimpinan (20%)**

Menerajui kepimpinan bagi kecemerlangan organisasi semasa dan selepas perkhidmatan.

**d. Anugerah/pengiktirafan (10%)**

Menerima anugerah atau pengiktirafan daripada jabatan, badan profesional atau agensi semasa dan selepas perkhidmatan.

**LAMPIRAN**

Rubrik Pemarkahan - Lampiran 1k


## **PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN**

---

Berikut merupakan peraturan dan tatacara permohonan yang perlu dipatuhi oleh para pemohon:

- i. Borang-borang pencalonan boleh dimuat turun dari laman sesawang [www.mypolycc.edu.my](http://www.mypolycc.edu.my);
- ii. Borang permohonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat yang sahih dan lengkap;
- iii. Borang permohonan hendaklah diperakukan oleh Pengarah. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah diserahkan secara *hardcopy* kepada Sekretariat Induk;
- iv. Permohonan ini MESTI disalurkan melalui Institusi serta mematuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan. Permohonan yang tidak melalui mana-mana bahagian/institusi tidak akan dipertimbangkan;
- v. Setiap institusi perlu mengenal pasti hanya satu (1) pencalonan sahaja dihantar bagi setiap kategori anugerah; dan
- vi. Ahli Jawatankuasa Induk AA JPPKK tidak boleh memohon atau dicalonkan dalam mana-mana kategori AA JPPKK semasa menjadi ahli jawatankuasa.

# PROSES PENCALONAN ANUGERAH AKADEMIA JPPKK



**Carta Alir Proses Pencalonan Anugerah Akademia**

## HADIAH DAN IMBUHAN

---

Cadangan hadiah dan imbuhan bagi setiap anugerah adalah dalam bentuk sijil anugerah dan plak.

## HAL-HAL LAIN

---

- i. Sekiranya tiada pemohon yang layak bagi sesuatu kategori, maka anugerah bagi kategori tersebut tidak akan diberikan;
- ii. Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu, JPPKK berhak untuk menarik balik anugerah yang telah diberikan; dan
- iii. Keputusan AA JPPKK adalah muktamad.

## PENUTUP

---

Semua pihak perlu mematuhi dasar-dasar integriti yang berkuatkuasa dalam proses pelaksanaan anugerah ini supaya proses ini dapat dilaksanakan dengan adil dan berintegriti.

## PERTANYAAN

---

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan sila hubungi:

**SEKRETARIAT ANUGERAH AKADEMIA JPPKK (AA JPPKK)  
BAHAGIAN GOVERNAN DAN KECEMERLANGAN (BGK)**

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Kementerian Pengajian Tinggi

Aras 7 Galeria PjH, Jalan P4W

Persiaran Perdana Presint 4

62100 W.P. PUTRAJAYA

No. untuk dihubungi: 03 88882250/3710/ 3372/ 3101

E-mail: [jppkk.bgk@mohe.gov.my](mailto:jppkk.bgk@mohe.gov.my)



## GLOSARI

---

AA JPPKK	Anugerah Akademia Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
AMM	Agreed Minute of Meetings
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BGK	Bahagian Governan dan Kecemerlangan
BKPK	Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya
COC	Certificate of Collaboration atau Sijil Kolaborasi Strategik
CSR	Corporate Social Responsibility atau Tanggungjawab Sosial Korporat
GLC	Government Linked Company atau Syarikat Berkaitan Kerajaan
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
LNPT	Laporan Penilaian Prestasi Tahunan
MNC	Multinational Corporation atau Syarikat Multinasional
NGO	Non-Governmental Organization atau Pertubuhan Bukan Kerajaan
OBE	Outcome-Based Education atau Pendidikan Berasaskan Hasil
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PSH	Pembelajaran Sepanjang Hayat
PPPT	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
R&D	Research and Development atau Penyelidikan dan Pembangunan
SIP	Sangkutan Industri Pensyarah
SME	Small Medium Enterprise atau Perusahaan Kecil dan Sederhana
TVET	Technical and Vocational Education Training atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
4IR	The Fourth Industrial Revolution atau Revolusi Perindustrian Keempat

# PENGHARGAAN

---

Penaung:

**Ts. Zainab binti Ahmad, Ketua Pengarah, JPPKK**

Penasihat:

**Timbalan Ketua Pengarah (Governan), JPPKK**

Pengerusi 1:

**Ts. Abdul Razak bin Sabtu, Pengarah BGK**

Pengerusi 2:

**Dr. Mohd Zahari bin Ismail, Pengarah PSA**

Timbalan Pengerusi:

**En. M. Azmi bin Haji Ruzali, Timbalan Pengarah, BGK**

Ketua Pengarang:

**Abdul Hadi bin Mustaffa, Ketua Penolong Pengarah, BGK**

## KUMPULAN PENULIS

### **ANUGERAH IKON SUKARELAWAN, ANUGERAH IKON KOKURIKULUM DAN ANUGERAH MENTOR KEUSAHAWANAN**

Norain binti Md Khamijah	BAPP
Zaharatul Akmar binti Ahmad Zainuddin	PSA
Khairul Ariffin bin Jamaludin	PSA
Mohd Fauzi bin Derani	PSA
Madihah binti Paiizi	BAPP
Dr. Yusni bin Mohamad Yusak	PPD

### **ANUGERAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PDP)**

Dr. Mohd Najib bin Hamdan	BIPD
Dr. Umawathy A/P Techanamurthy	BIPD
Dr. Marlina binti Ramli	PSA
Azlina binti Muhammud	PSA
Mazni binti Muhamad	PSA

## **ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI DAN ANUGERAH PENERBITAN**

Dr. Mohd Norhadi bin Muda	PPI
Dr. Aziam binti Mustafa	PSA
Dr. Wan Rosemehah binti Wan Omar	PSA
Dr. Norasiah binti Muhammad	PSA
Elmiza binti Roslan	PPI
Ts. Mohd Shahrir bin Abd Rahim	PPI
Siti Zubaidah binti Ibrahim	PPI
Nurmaryam Aida binti Hashim	PPI

## **ANUGERAH PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH), ANUGERAH PENSYARAH HARAPAN DAN ANUGERAH PENSYARAH CEMERLANG**

Ts. Azman bin Ahmad	BK
Mohd Zaidi bin Sarip	BK
Mohd Saiful Nizam bin Khalid	BKPK
Normasita binti Sulaiman	PSA
Nawwar Adibah binti Wahid	BKPK
Syazwani binti Mohd Kasim	BKPK
Merhayati binti Sipon	KK Rembau
Nor Salasiah binti Mat Rashid	BKIK
Zul Affandi bin Mohamed Ali	BK
Roswani binti Ab Rahman	BK
Halida binti Mohd Zahari	BKIK
Dr. Sabariah binti Bohanudin	PSA

## **ANUGERAH IKON KOLABORASI DAN ANUGERAH TOKOH AKADEMIA TVET**

Siti Masliza binti Mohd. Nawi	BGK
Mohd Ruzi bin Hamzah	KK Selayang
Syaiful Afdzal bin Ramli	BGK
Abdul Hadi bin Mustaffa	BGK
Ts. Roseman bin Mat Jidin @ Jidin	PSA
Ts. Fatin Shafinas binti Rokman	BGK
Norazmira binti Zainuddin	BKIK
Nur Sabrina binti Mohd Tahar	BKIK
Hajah Roziah binti Abdul Latif	PSA

## **Kumpulan Editorial**

Nur Wahidah binti Harun  
Ts. Fatin Shafinas binti Rokman

# LAMPIRAN RUBRIK PEMARKAHAN



## LAMPIRAN 1A: RUBRIK PEMARKAHAN ANUGERAH IKON SUKARELAWAN

KRITERIA		ITEM PENILAIAN	DOKUMEN BUKTI	1	2	3	4	5	PEMBERAT
<b>1. Kepimpinan dan Kecemerlangan dalam Bidang Sukarelawan</b>									
a.	Penglibatan Dalam Bidang Sukarelawan	Lantikan sebagai Pegawai Bertanggungjawab/Penyelaras Sukarelawan	Surat lantikan, Surat/Dokumen Sokongan	Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	5
b.	Pencapaian Penyertaan dalam Pelaksanaan program Sukarelawan yang melibatkan skop lapangan kerja kesukarelawan yang melibatkan kumpulan sasaran seperti belia, warga emas, orang kelainan upaya, kanak-kanak dan sebagainya	Bilangan Penyertaan dalam Program	Kertas Kerja/Laporan/Maklum balas/Peringkat Pelaksanaan Program	1-4	5-8	9-12	13-16	16 ke atas	20
		Bilangan Penglibatan Kumpulan S		1-2	3-4	3-6	7-8	9 ke atas	
		Peringkat Pelaksanaan Program		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	
c.	Penglibatan dalam Pengurusan Sukarelawan	Bilangan program yang dianjurkan (dilantik sebagai Pengarah, urusetia program dan lain-lain)	Maklum balas/penilaian/ Laporan Program	0 Program	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	10
		Jawatan dalam penganjuran program		Ahli Biasa	Exco/ Jawatankuasa	Setiausaha/ Bendahari	Tim. Pengarah	Pengarah	10
		Peringkat Penganjuran Program		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	5
<b>2. Sumbangan dan Impak dalam Bidang Sukarelawan</b>									
a.	Impak Kepada Pihak Berkepentingan	Bilangan program	Laporan/Maklumbalas/ Penilaian Program/Sijil Penghargaan	0 Program	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	5
		Pencapaian Program		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	5
		Peringkat Pelaksanaan Program							5
b.	Pengiktirafan yang diterima dalam Sumbangan Bidang Sukarelawan	Bilangan Pengiktirafan	Laporan/Maklumbalas/ Penilaian Program/Sijil Penghargaan	0 Pengiktirafan	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	10
		Peringkat Pengiktirafan		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	5
		Peranan dalam Program							5
c.	Penglibatan Kolaborasi bersama Kementerian/ jabatan/ agensi/ NGO/ persatuan/ institusi dan lain-lain	Bilangan Kolaborasi	Laporan/Maklumbalas/ Penilaian Program/Sijil Penghargaan	0 Kolaborasi	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	10
		Peringkat Kolaborasi		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	5

## LAMPIRAN 1B: RUBRIK PEMARKAHAN ANUGERAH IKON KOKURIKULUM

KRITERIA		ITEM PENILAIAN	DOKUMEN BUKTI	1	2	3	4	5	PEMBERAT
1	Pengurusan Organisasi	Lantikan sebagai Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari, Ahli Jawatankuasa, Pengurus Pasukan, Timbalan Pengurus Pasukan Jurulatih, Pegawai Fisioterapi, Pegawai Pengiring dan sebagainya di pelbagai peringkat kejohanan dan persatuan	Surat lantikan	Ahli Biasa/Pegawai Pengiring	AJK/Pegawai Fisioterapi	Setiausaha/Bendahari	Naib Pengerusi/Pengurus Pasukan	Pengerusi/Pengurus Pasukan	10
		Peringkat Lantikan		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	10
2	Kecemerlangan Kokurikulum	Bilangan Pengiktirafan	Kertas Kerja, Laporan, Sijil Profesional, Watikah Pelantikan, Anugerah/Pingat, Penglibatan Luar dan Penglibatan Antarabangsa dalam bidang kokurikulum (sukan, kelab/persatuan, unit beruniform dan kebudayaan)	0 Pengiktirafan	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	10
		Pencapaian Pengiktirafan		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	10
3	Kepimpinan Kokurikulum	Lantikan sebagai Ketua Penggubal, Penggubal, Pakar	Surat lantikan	Komentator	Fasilitator	Pewasit	Penggubal	Ketua Penggubal / Pakar Rujuk	10
		Peringkat Pembangunan Kokurikulum		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	10
4	Penglibatan dan Penyertaan	Bilangan program yang terlibat (sebagai Pengarah, urusetia dan lain-lain)	Maklum balas/ penilaian/ Laporan program	0-1	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	10
		Peringkat Penglibatan dan Penyertaan		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	10
5	Penglibatan Kolaborasi Dalam Bidang Kokurikulum	Bilangan Kolaborasi	Dokumen / Kertas Kerja / Sijil kerjasama (COC, MOU, NOU)	0 Kolaborasi	1-2	3-4	5-6	7 ke atas	10
		Peringkat Kolaborasi		Institusi	Jabatan	Kementerian	Kebangsaan	Antarabangsa	10

## LAMPIRAN 1C: RUBRIK PEMARKAHAN ANUGERAH MENTOR KEUSAHAWANAN

KRITERIA		ITEM PENILAIAN	DOKUMEN BUKTI	1	2	3	4	5	PEMBERAT
1	Impak mentor terhadap pelajar/ Mentee.	i. peranan mentor dalam memberi aspirasi kepada kejayaan menti; ii. perkongsian amalan baik seperti pengalaman mentor termasuk cabaran utama bagi membantu perkembangan menti; iii. kaedah penilaian untuk melihat impak mentor berdasarkan perkembangan menti.	- Resume Mentor - Perancangan / <i>Planning chart / schedule</i> - Kejayaan Menti - dan lain-lain yang berkaitan	1-2  Institusi	3-4  Zon	5-6  Kementerian	7-8  Kebangsaan	9-10  Antarabangsa	20
2	Impak mentor terhadap institusi	i. mentor membantu dan menyokong aspirasi keusahawanan institusi; ii. mentor mempengaruhi polisi dan pelaksanaan keusahawanan institusi; iii. mentor merangka inisiatif dan peluang kepada institusi bagi memaksimumkan potensi keusahawanan warga di institusi; dan iv. mentor mempengaruhi rakan kerja, pegawai dan warga institusi dalam perkembangan keusahawanan baik dari aspek individu maupun organisasi.	- Pencapaian KPI - Surat Penghargaan /dokumen kertas cadangan/maklumbalas - Laporan Program - Kajian impak program - Minit mesyuarat - dan lain-lain yang berkaitan	1-2  Institusi	3-4  Zon	5-6  Kementerian	7-8  Kebangsaan	9-10  Antarabangsa	20
3	Personaliti dan teknik yang digunakan oleh mentor	i. personaliti mentor memberi aspirasi kepada menti; ii. mentor menunjukkan kebolehan sifat keusahawanan dalam proses mentoring; dan iii. keupayaan mentor dalam meningkatkan keupayaan diri (selfskill/personality building).	Resume/ portfolio berserta : -Maklum balas/ maklumat usahawan yang dibimbing -Sijil Industri / sijil profesional/ pengiktirafan. -Laporan program/ inisiatif Mentor	Resume lengkap berserta bilangan laporan program 1-2 program	Resume lengkap berserta bilangan laporan program 3-4 program	Resume lengkap berserta bilangan laporan program 5-6 program	Resume lengkap berserta bilangan laporan program 7-8 program	Resume lengkap berserta bilangan laporan program 9-10 program	20
4	Skala dan skop aktiviti	i. jumlah menti; ii. pencapaian menti; iii. jaringan kolaborasi; iv. peringkat penglibatan; v. jenis sokongan yang diberikan kepada menti; dan vi. peranan mentor dalam menyediakan peluang di luar pengalaman biasa menti.	-Kertas Cadangan -Pelaporan -Minit Mesyuarat -Sijil -lain-lain dokumen yang berkaitan	1-2 Laporan	3-4 Laporan	5-6 Laporan	7-8 Laporan	9-10 Laporan	20

**LAMPIRAN 1D-A: RUBRIK PEMARKAHAN ANUGERAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN**

KRITERIA	ITEM PENILAIAN	DOKUMEN BUKTI	1	2	3	4	5	PEMBERAT	
1 Perancangan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	i. Laporan Perancangan Kursus ii. Rangka Kursus (Course Outline) iii. Rancangan Mengajar	1.1 Laporan Perancangan Kursus mengandungi item seperti berikut: Contoh : i. Kaedah pengajaran ( <i>Teaching Methods/Techniques</i> ) ii. Bahan Bahan Mengajar ( <i>Instructional Resources and Materials</i> ) iii. Penilaian PdP ( <i>Teaching and Learning Assessments</i> ) iv. Kreativiti dan inovasi dalam mempelbagaikan kaedah PdP (Contoh: Penggunaan Teknologi 4IR dalam PdP, Perkongsian Pintar dengan Industri dll)	Mengandungi <b>SATU (1)</b> item laporan perancangan.	Mengandungi <b>DUA (2)</b> item laporan perancangan.	Mengandungi <b>TIGA (3)</b> item laporan perancangan.	Mengandungi <b>EMPAT (4)</b> item laporan perancangan.	Mengandungi <b>LIMA (5)</b> atau lebih item laporan perancangan.	20	
